



NAMA :

KELAS :.....

MODUL PINTAS
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2026
TASAWWUR ISLAM TINGKATAN 5
2 jam 30 minit

5226

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **kelas** anda pada ruang yang disediakan.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** mengandungi 20 soalan objektif pelbagai bentuk dan **Bahagian B** mengandungi **enam** soalan subjektif.
3. Calon dikehendaki menjawab **semua** soalan **Bahagian A** dan mana-mana **empat** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
5. Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa	
Soalan	Markah
A (1 – 20)	
B 1	
B 2	
B 3	
B 4	
B 5	
B 6	
JUMLAH	

Kertas soalan ini mengandungi **21** halaman bercetak.

BAHAGIAN A
[20 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga soalan 4

*Gariskan istilah yang **betul** bagi pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.*

No. Soalan	Pernyataan	Pilihan Jawapan
1	Sesuatu yang berlaku kepada makhluk Allah SWT semasa hidupnya.	Qadar / Takdir / Qadak
2	Makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal dan ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta memakmurkan alam.	Hamba / Insan / Khalifah
3	Harta yang dikuasai daripada orang bukan Islam tanpa melalui jalan perang.	Jizyah / Fai' / Ghanimah
4	Menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan tidak menggunakan kedudukan untuk kepentingan sendiri.	Efektif / Sistemik / Integriti

Soalan 5 hingga soalan 8

*Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang **betul**.*

Akal	Memakmurkan	Tabarru'	Pengurusan
Nyawa	Mengabdikan	Ta'awun	Syura

- 5 Tujuan penciptaan manusia adalah untuk _____ diri kepada Allah SWT.
- 6 Fungsi wahyu terhadap _____ ialah membimbing dan membetulkan tatacara beribadat.
- 7 _____ ialah peserta skim takaful mendermakan sebahagian atau keseluruhan wang sumbangan yang dibayar semasa menyertai skim takaful.
- 8 Prinsip - prinsip tadbir urus dalam Islam menjadikan urusan pentadbiran dijalankan berdasarkan konsep _____.

Soalan 9 hingga soalan 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang *betul*.

Sifat Mahmudah dalam Pergaulan	
Jawapan	Pernyataan
P	Melakukan sesuatu kebaikan semata-mata kerana Allah SWT.
Sopan	Beradab sopan dan berbudi bahasa dalam pergaulan dengan semua pihak.
Q	Melaksanakan tanggungjawab mengikut prosedur serta tidak mempunyai kepentingan peribadi.

9 P ialah _____.

10 Q ialah _____.

Peranan Institusi - institusi Kewangan Islam	
Institusi Kewangan Islam	Peranan
R	Menyediakan sistem perlindungan yang patuh syariah dalam hal ehwal insurans Islam.
Zakat	Mengagihkan zakat secara efisien dan adil kepada asnaf zakat.
S	Menerima pelbagai sumber kewangan dan harta secara terkumpul oleh negara seperti wakaf.

11 R ialah _____.

12 S ialah _____.



Soalan 13 hingga soalan 14

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang **betul** berkaitan peringkat alam yang dilalui manusia.




13 T ialah _____.

14 U ialah _____.

Soalan 15 dan soalan 16.

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang **betul** berkaitan prinsip - prinsip negara Islam.



15 V ialah _____.

16 W ialah _____.

Soalan 17 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** dan tandakan (X) pada pernyataan yang **salah**.

- | | | |
|----|--|--------------------------|
| 17 | Ciri-ciri kekeluargaan Islam ialah sentiasa berkomunikasi secara negatif. | ☐ |
| 18 | Konsep hiburan dalam Islam bertujuan membangunkan potensi umat Islam dalam seni hiburan. | ☐ |
| 19 | Matlamat negara Islam perlulah merealisasikan keadilan supaya rakyat teraniaya. | ☐ |
| 20 | Pengagihan harta negara secara zalim merupakan kesan daripada pengabaian tanggungjawab khalifah. | ☐ |

BAHAGIAN B

[80 markah]

Jawab empat soalan sahaja.

- 1 (a) Senaraikan **empat** Rukun Islam.

[4 markah]

Firman Allah SWT yang bermaksud :

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan dalam kalangan setiap umat seorang rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka), "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhi taghut (syaitan, berhala, roh-roh serta apa sahaja yang disembah selain Allah)..."

- (b) (i) Mengapakah Allah SWT mengutuskan rasul kepada manusia?

[2 markah]



- (ii) Ramalkan apa yang akan berlaku sekiranya pelajar tidak mengamalkan sifat al-Amanah yang ada pada rasul.

[4 markah]

- (c) Nyatakan **dua** prinsip asas sistem ekonomi Islam.

[2 markah]

- (d) Jelaskan **dua** peranan pekerjaan menurut Islam.

[4 markah]

- (e) Huraikan **dua** keistimewaan sistem ekonomi Islam.

[4 markah]

- 2 (a) Terangkan **dua** tindakan untuk memelihara fitrah kejadian insan.

[4 markah]

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai Quran yang diturunkan dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya."

(Surah Yusuf 12 :2)

- (b) (i) Nyatakan **dua** fungsi akal.

[2 markah]

- (ii) Huraikan **dua** kedudukan akal dalam kehidupan manusia.

[4 markah]



- (c) Huraikan **dua** kepentingan melaksanakan sistem perundangan Islam dalam kehidupan.

[4 markah]



SUMBER : BULETIN TV3

- (d) (i) Berikan **dua** bentuk hukuman bagi jenis kesalahan yang terdapat dalam petikan selain di atas.

[2 markah]

- (ii) Bincangkan implikasi jika hukuman dalam petikan di atas diabaikan oleh umat

Islam.

[4 *markah*]

- 3 (a) Terangkan **dua** adab dan etika Sistem Sosial Islam.

[4 *markah*]



- (b) (i) Kenapakah isu di atas masih berlaku dalam masyarakat?

[2 markah]

- (ii) Bincangkan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh seorang suami bagi melahirkan rumahtangga yang bahagia.

[4 markah]



- (c) (i) Nyatakan **dua** asas pentadbiran dan pengurusan pada zaman Rasulullah SAW.

[2 markah]

- (ii) Huraikan **dua** ciri pentadbir dan pengurus yang baik.

[4 markah]

- (iii) Jelaskan **dua** kepentingan melaksanakan sistem pentadbiran dan pengurusan Islam kepada negara.

[4 markah]

- 4 (a) (i) Nyatakan pengertian Thabat beserta **dua** contoh.

[4 markah]

- (ii) Senaraikan **dua** ciri prinsip Thabat.

[2 markah]

- (iii) Jelaskan **dua** keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam.

[4 markah]



Al-Ijarah (sewaan) bermaksud perjanjian yang membolehkan seseorang mengambil faedah atau manfaat daripada milik orang lain dengan bayaran tertentu.

- (b) (i) Senaraikan **empat** jenis muamalat selain di atas.

[4 markah]

- (ii) Apakah kebaikan al-Ijarah kepada masyarakat? Bincangkan.

[4 markah]

- (iii) Jelaskan kesan pengabaian muamalat Islam dalam kehidupan.

[2 markah]

- 5 (a) Nyatakan asal kejadian Nabi Adam a.s. serta gelaran baginda.

a) Asal kejadian : _____.

b) Gelaran : _____.

[2 markah]

“Persaudaraan Islam merupakan asas penting dalam pembentukan akhlak mulia dalam kalangan pelajar.”

- (b) (i) Berikan **dua** cara memupuk persaudaraan sesama rakan.

[2 markah]



- (ii) Bagaimanakah amalan persaudaraan Islam dapat melahirkan seorang pelajar yang bertanggungjawab dalam kehidupan? Huraikan.

[4 markah]

- (c) Jelaskan tanggungjawab insan terhadap alam.

[2 markah]

Kehakiman atau al-Qadha' dari segi bahasa bermaksud menghukum, menyelesaikan, menetapkan, memutuskan dan mencegah.

- (d) (i) Terangkan **dua** matlamat sistem kehakiman.

[4 markah]

- (ii) Terangkan **dua** etika hakim dalam Islam.

[4 markah]



- (e) Terangkan cara menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah.

[2 markah]

- 6 (a) Terangkan **dua** prinsip pergaulan dalam Islam.

[4 markah]

Jenis - jenis hiburan Islam :

- Nasyid
- Qasidah
- Alunan zikir
- Membaca novel Islam

- (b) (i) Nyatakan **dua** konsep hiburan dalam Islam.

[2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** garis panduan berhibur menurut Islam.

[4 markah]

Piagam Madinah ialah perlembagaan bertulis pertama di dunia yang digubal oleh Nabi Muhammad SAW selepas Hijrah, bertujuan menyatupadukan masyarakat Madinah.

- (c) (i) Nyatakan aspek yang terdapat dalam piagam di atas.

[1 markah]



- (ii) Apakah kesan yang akan berlaku sekiranya rakyat sesebuah negara tidak bersatu padu? Bincangkan.

[5 markah]

- (iii) Senaraikan **empat** elemen pembentukan negara Islam.

[4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT